



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
(*Department of Labour Peninsular Malaysia*)
Aras 3 & 5, Blok Setia Perkasa 3,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Telefon : 03-8886 5192/5937
Faks : 03-8889 2368
E-mel : jtksm@mohr.gov.my
Portal : www.jtksm.gov.my

SIARAN MEDIA

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA LENGKAPKAN JELAJAH NASIONAL MEMBANTERAS PEMERDAGANGAN ORANG DAN EKSPLOITASI PEKERJA DI ZON TENGAH

KUALA LUMPUR, 22 JUN 2026 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) hari ini berjaya melengkapkan siri jelajah nasional melalui penganjuran **Seminar Sinergi Nasional Mencegah dan Membasmi Pemerdagangan Orang dan Eksploitasi Pekerja (Zon Tengah)** yang berlangsung di Dewan Multaqam, Maju Tower, Kuala Lumpur.

Seminar yang dirasmikan oleh **YB Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Sumber Manusia**, merupakan kemuncak kepada siri jelajah seluruh negara selepas kejayaan penganjuran di Zon Utara (Sungai Petani, Kedah pada 18 Mei 2026) dan Zon Selatan (Kluang, Johor pada 8 Jun 2026). Secara keseluruhan, program advokasi kolektif ini telah berjaya memberikan pendedahan meluas mengenai hak pekerja dan undang-undang perburuhan kepada hampir 1,000 orang peserta.

Kerajaan Malaysia kekal komited dalam usaha membanteras buruh paksa selaras dengan ratifikasi Protokol Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Buruh Paksa (tambahan kepada Konvensyen No. 29) pada 21 Mac 2022. Sejalan dengan komitmen tersebut, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah melaksanakan Pelan Tindakan Nasional Pembanterasan Buruh Paksa (NAPFL) sebagai kerangka menyeluruh bagi memperkukuh pencegahan, penguatkuasaan undang-undang, serta perlindungan hak dan kebajikan pekerja. Pada masa yang sama, usaha membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran turut diperkukuh melalui Pelan Tindakan Nasional Antipemerdagangan Orang (NAPTIP) yang diselaraskan oleh MAPO di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pendekatan bersepadu ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memastikan Malaysia bebas daripada amalan buruh paksa serta eksploitasi pekerja, di samping memperkukuh kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan, majikan dan pihak berkepentingan.

Program ini melibatkan sesi taklimat perundangan dan kupasan isu semasa berkaitan antipemerdagangan orang (ATIP) oleh agensi pembuat dasar dan pemantau iaitu Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyelundupan Migran (MAPO), bersama agensi penguat kuasa seperti Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Tiga objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk:

1. **Meningkatkan pemahaman** berkaitan dasar kerajaan dan peranan agensi di bawah ATIPSOM dalam mencegah pemerdagangan orang dan eksploitasi pekerja kepada semua pemegang taruh.
2. **Mengupas pelaporan antarabangsa** seperti *US TIP Report 2026* berkaitan penarafan Malaysia, serta membincangkan cabaran alaf baharu termasuk isu penipuan pekerjaan (*job scam*) dan ancaman keselamatan siber dalam konteks eksploitasi.
3. **Mewujudkan jaringan kerjasama strategik** yang inklusif antara agensi kerajaan, NGO, sektor swasta, pekerja, ketua masyarakat, orang awam, dan golongan pelajar.

Melalui sinergi padu antara pelbagai agensi penguat kuasa dan pemegang taruh, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) komited untuk memastikan kebajikan pekerja di Malaysia terus dilindungi, sekaligus membasmi jenayah pemerdagangan orang secara menyeluruh dan berkesan.

TAMAT

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

Tel: 03-88711211 / 010-7669864

E-mel: shaaffandi@mohr.gov.my